

Semakan Semula Manuskrip Arab-Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia

BITARA

Volume 7, Issue 4, 2024: 49-71
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 5 September 2024
Accepted: 29 September 2024
Published: 19 October 2024

[Review of the Arabic-Malay Manuscripts Collection of the National Library of Malaysia]

Amer Hudhaifah Hamzah,¹ Syamsul Azizul Marinsah,¹ Issraq Ramli,¹
Habibah@Artini Ramlie¹ & Noorsafuan Che Noh^{2*}

1 Fakulti Pengajian Islam, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA.
E-mail: amerukun@ums.edu.my; syamsulazizul@ums.edu.my; issraq@ums.edu.my; Habibah_artini@ums.edu.my

2 Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300
Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: noorsafuancn@unisza.edu.my

*Corresponding Author: noorsafuancn@unisza.edu.my

Abstrak

Manuskrip Melayu merupakan tinggalan sejarah Asia Tenggara yang sangat bernilai. Antara genrenya ialah kitab berbahasa Arab yang mencerminkan pemikiran dan tradisi beragama masyarakat Islam di Nusantara. Tetapi disebabkan masalah definisi manuskrip Melayu dan ketiadaan syarat khusus berkaitan penguasaan bahasa-bahasa berkaitan untuk mereka yang terlibat mendokumentasi manuskrip Arab-Melayu, lantas telah mengakibatkan beberapa kelemahan kepada Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, khususnya terbitan tahun 2000. MSS 2257 diambil sebagai contoh bagi membuktikan kelemahan ini. Berdasarkan bacaan semula MSS 2257, didapati ia merupakan manuskrip miscellany yang mengandungi 12 judul kitab. Ternyata salah sebuah kitab bahasa Arab dalam kumpulan ini milik Shamsuddin al-Sumatra'i, yang terlepas pandang oleh sebab polisi mengesampingkan manuskrip bahasa selain Melayu. Ketiadaan syarat penguasaan bahasa yang berkaitan juga menyebabkan katalog manuskrip Melayu (2000) menggunakan laras umum yang akhirnya mengakibatkan kekeliruan pengguna semasa mencari maklumat. Kajian mencadangkan agar masalah seperti diselesaikan segera supaya akibatnya tidak berterusan dan pengajian manuskrip Melayu boleh berjalan dengan lancar di masa-masa akan datang.

Kata kunci: Dokumentasi manuskrip, pengkatalogan manuskrip, filologi Melayu, analisis teks, manuskrip kitab

Abstract

The Malay manuscripts are a valuable historical legacy of Southeast Asia. Among their genres are Arabic-language texts that reflect the thoughts and religious traditions of the Islamic community in the Nusantara. However, issues regarding the definition of Malay manuscripts and the lack of specific criteria related to language proficiency for those involved in documenting Arabic-Malay manuscripts have led to several weaknesses in the Malay Manuscripts Catalog of the National Library of Malaysia, particularly the publication from 2000. MSS 2257 is taken as an example to illustrate this weakness. Upon reviewing MSS 2257, it was found to be a miscellany manuscript containing 12 titles. Notably, one of the Arabic texts in this collection belongs to Shamsuddin al-Sumatra'i, which was overlooked due to the policy of sidelining manuscripts in languages other than Malay. The absence of language proficiency criteria also resulted in the Malay manuscript catalog (2000) using general terminology, ultimately causing confusion for users seeking information. The study suggests that such issues should

be addressed promptly to prevent ongoing consequences and to ensure that the study of Malay manuscripts can proceed smoothly in the future.

Keywords: Manuscript documentation, Manuscript cataloging, Malay philology, Text analysis, Manuscript texts

Cite This Article:

Amer Hudhaifah Hamzah, Syamsul Azizul Marinsah, Issraq Ramli, Habibah@Artini Ramlie & Noorsafuan Che Noh. (2024). Semakan Semula Manuskrip Arab-Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia [Review of the Arabic-Malay Manuscripts Collection of the National Library of Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(4): 49-71.

Pengenalan

Mengulang semula kenyataan yang pernah ditulis pada 2017, manuskrip dan karya nadir Melayu merupakan amanat leluhur yang bernilai. Bukan sekadar sentimen semata-mata, bahkan nilainya terbukti melalui kesan sejarah yang penting untuk dimaknai sendiri oleh bangsa pemilik manuskrip tersebut. (Amer Hudhaifah Hamzah, 2017, hlm. 25-26) Ironinya bangsa lain menyedari hakikat ini lebih awal menyebabkan mereka bertindak lebih dahulu berbanding kita dengan membeli serta menyalin khazanah tersebut untuk disimpan sebagai koleksi peribadi. Wajar diketepikan soal nawaitu mereka hendak memiliki khazanah manuskrip Melayu, sama ada atas dorongan politik, nilai kesarjanaan ataupun rasa minat yang mendalam sebagai pengumpul amatur, (Ding Choo Ming, 1999, hlm. 23) kerana lebih malang lagi, koleksi yang ada dalam simpanan bangsa Melayu tidak diuruskan dengan baik hingga mengakibatkan kerosakan fizikal dan penyusutan nilai yang serius. Justeru tidak pelik hari ini kita mendengar sebilangan substansial manuskrip Melayu yang masih tinggal adalah dari koleksi Farquhar, Klinkert, Maxwell, Raffles, S. Hurgronje, Van der Tuuk, Van Ophuysen dan Von de Wall. Nilai manuskrip tinggalan mereka juga selalunya lebih tinggi dari koleksi bangsa Melayu atas beberapa faktor yang sebenarnya berpunca dari diri kita sendiri, bangsa Melayu.

Tidak perlu menunding jari kepada sesiapa atau berasa kesal atas apa yang sudah berlalu. Bukan salah sesiapa jika mentaliti masyarakat Melayu zaman dahulu tidak mampu menyaingi mentaliti masyarakat eropah yang jauh lebih maju. Masing-masing bertindak berdasarkan apa yang dirasakan tepat pada zaman mereka. Tetapi kita wajar kita menyalahkan diri sendiri sekiranya enggan “belajar” dari pengalaman lalu. Jika kita merasakan bangsa Melayu dahulu sudah melakukan kecuaiian kerana kurang menghargai manuskrip akibat tidak mengetahui nilainya yang sebenar, maka apakah kurangnya kita yang memandang enteng perkara yang memberi dampak besar kepada identiti manuskrip sekiranya definisi manuskrip Melayu tidak berkembang seiring perkembangan zaman? Apa kurangnya kesalahan kita sekiranya lambat menyedari hakikat bahawa manuskrip Melayu mempunyai ciri-ciri tersendiri yang memerlukan pendekatan sendiri juga untuk mengendalikan penyelidikan ke atasnya?

Hal ini, tidak dapat tidak, akan menarik semula perbincangan tentang kepelbagaian jenis manuskrip Melayu yang kian jelas dari fakta-fakta baharu yang ditemui oleh para ahli akademik. Tetapi dalam artikel ini, pengkaji tidak bercadang untuk menghurai lebih lanjut soal fakta-fakta baharu, melainkan hanya mengemukakan satu contoh lain masalah yang terjadi kepada manuskrip koleksi Perpustakaan Negara Malaysia akibat sempitnya definisi manuskrip

Melayu yang diguna pakai hingga sekarang. (Rujuk isu definisi manuskrip Melayu dalam Amer Hudhaifah Hamzah, 2017, hlm. 34-36; 2019, hlm. 78) Bagi tujuan ini, sebuah manuskrip koleksi Perpustakaan Negara Malaysia berkod MSS 2257 dan diberi judul “Kitab bahasa Arab” akan dihurai ciri-ciri serta isi kandungannya secara terperinci supaya jelas bagaimana isu bahasa boleh mengesampingkan sesebuah manuskrip hingga tidak dipandang bernilai oleh para penyelidik. Sehingga kini belum dapat dipastikan berapa kali ia dirujuk, namun berdasarkan literatur-literatur yang diterbitkan, belum ditemui sesiapa pernah menyebutnya melainkan pengkaji sendiri dalam *Jurnal Filologi Melayu* vol. 26 (2019, hlm. 78-79, 81).

MSS 2257

Secara ringkas, judul “Kitab bahasa Arab” yang diberikan kepada manuskrip ini dalam *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia* (2000) merupakan judul yang mengelirukan. Meskipun sebahagian daripada halaman manuskrip ini yang ditandai dengan huruf D [ff. 79v.-104r.] dapat dikenal pasti judul sebenarnya sebagai *al-Tuhfah al-Mursalah*, namun penggunaan judul “Kitab bahasa Arab” dilihat lebih kerap berulang, iaitu sebanyak 3 kali. (*Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*, 2000, hlm. 10-11)

Bagi Molen (2017, hlm. 12), “*manuscripts and the texts they contain tend to be elusive*”, sehubungan itu menurut beliau “*an indispensable tool for access to manuscripts is catalogues*”. Tetapi bagaimana jika katalog yang diharapkan memberi maklumat deskriptif tentang manuskrip itu sendiri boleh mengakibatkan kekeliruan? Persoalan yang selalu timbul bagi seorang penyelidik yang sedang merujuk katalog manuskrip di atas apabila berhadapan judul seperti ini ialah; Adakah yang dimaksudkan dengan “Kitab bahasa Arab” itu manuskrip kitab yang menggunakan medium bahasa Arab, atau manuskrip kitab yang membincangkan bidang ilmu tatabahasa Arab? Masalah ini dihadapi oleh pengkaji sewaktu mengumpul data manuskrip pada tahun 2019. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif (2016, hlm. 12-13) dan Mohd. Anuar Mamat (2017, hlm. 63) juga pernah menyuarakan hal yang sama dalam konteks kajian mereka masing-masing.

Tanpa perlu membicarakan lebih lanjut tentang kelemahan sistem pengkatalogan dalam siri katalog Perpustakaan Negara Malaysia, aspek gaya bahasa yang umum sewaktu mendokumentasi manuskrip dalam katalog saja dirasakan sudah cukup untuk ditimbulkan sebagai satu masalah. Keadaan ini sama sekali tidak sesuai dengan status “*descriptive catalogue*” yang diberikan Wan Ali Wan Mamat dalam artikel beliau *Malay Manuscripts in Malaysia: A Review of Their Catalogues* (2017) kepada penerbitan antara tahun 2000 hingga 2015. Jika diusul periksa, ia akan menarik kita semula kepada isu definisi manuskrip Melayu yang pernah dicetuskan pengkaji pada tahun 2017 (hlm. 34-36). Meskipun laras bahasa pengecualiannya lebih lembut dalam buku *The Legacy of Malay Manuscripts* terbitan 2012 apabila menyebut “*especially those written in Jawi*”, namun dampak daripada definisi yang eksklusif ini tidak dapat dihindarkan lagi.

Berdasarkan perbincangan 10 Oktober 1983 yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), manuskrip Melayu ditakrifkan sebagai “apa-apa tulisan Jawi/Rumi berbahasa Melayu yang ditulis dengan tangan di atas bahan-bahan seperti kertas, kulit, daun lontar, buluh, gading, kayu, kain dengan isi kandungan dan jangka waktu yang tidak terbatas”. (Ibrahim,

1983, hlm. 25) Dari segi kandungan dan jangka waktu, definisi ini cukup inklusif dan tidak begitu bermasalah. Namun dari segi medium bahasa dan tulisan, ternyata banyak persoalan yang boleh ditimbulkan. Adakah manuskrip berbahasa selain Melayu, seperti Arab atau rumpun Melayu yang lain, tidak termasuk koleksi manuskrip Melayu? Jikapun bermediumkan bahasa Melayu, adakah jika ditulis menggunakan aksara selain Jawi/Rumi, seperti Pallava dan Rencong contohnya, juga dianggap tidak termasuk manuskrip Melayu? (Lihat antaranya Uli Kozok, 2004 tentang manuskrip Melayu Kerinci, Jambi)

Turut menjejaskan perkara ini, ketiadaan syarat khusus penguasaan bahasa-bahasa berkaitan dalam perantaraan Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu. (Rujuk lampiran E, *Dasar Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia* yang diluluskan pada 14 Januari 2014) Bukankah proses pendokumentasian manuskrip yang selalunya tidak berhalaman judul, tanpa senarai kandungan, maklumat penerbit atau tahun penerbitan, sangat memerlukan penguasaan bahasa medium manuskrip itu untuk mengesan maklumat manuskrip yang elusif sifatnya? Memang benar, syarat berkenaan ada ditetapkan ke atas pemilihan Mualim Tamu, namun disebabkan Mualim Tamu hanya seorang dan beban tugas mereka dilihat sangat spesifik kepada penerbitan dan kerja-kerja suntingan, justeru kepakaran mereka dalam bahasa Arab, Sanskrit dan lain-lain yang berkenaan dilihat tidak memberi manfaat besar kepada aspek pendokumentasian. (Rujuk lampiran C) Oleh sebab itu, suatu tindakan drastik perlu diambil untuk mengurangkan impak daripada rangkaian masalah yang telah disebutkan tadi.

MSS 2257 hanyalah salah satu manuskrip yang terlibat dengan masalah ini. Selain MSS 2257 sebenarnya, masih banyak manuskrip yang terjejas dan tidak mendapat perhatian sepatutnya dari para penyelidik gara-gara sistem pengkatalogan yang kurang kemas. Kebanyakannya tersenarai dalam *Senarai Manuskrip Arab di Pusat Manuskrip Melayu* (t.th.) dengan jumlah yang tidak kurang daripada 500 naskhah manuskrip. Bukankah jumlah ini sangat signifikan jika kita benar-benar perihatin kepada nilai sejarah, ilmu dan estetika manuskrip yang dimiliki oleh bangsa Melayu? Tidak semestinya perlu dikaji secara terperinci, sekurang-kurangnya pendokumentasian manuskrip dan isi kandungannya dibuat dengan cara lebih baik, itu sudah mencukupi. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan memperlihatkan contoh manuskrip yang didokumentasikan secara sambil lewa hingga akhirnya menyebabkan kekeliruan kepada ramai penyelidik.

Penelitian Dalam Manuskrip

Penelitian dalaman manuskrip bermaksud usaha pengkaji menceduk pengetahuan tentang sesebuah manuskrip melalui bacaan ke atas isi kandungannya. Ia berbeza dengan aspek luaran yang dilihat dari ciri-ciri fizikal naskhah seperti kertas, dakwat dan segala perkara yang berkaitan keduanya. (Amer Hudhaifah Hamzah, 2016, hlm. 18; Siti Hawa, 1994, hlm. 4) Hasil penelitian dalaman menyimpulkan bahawa MSS 2257 sebenarnya manuskrip *miscellany* (seperti *anthology* dalam konteks penulisan sastera) yang mengandungi berbagai kitab bidang agama (*Islamic books*), khususnya ‘aqidah dan tasawwuf.

JADUAL 1: Maklumat kitab agama yang terkandung dalam MSS 2257

Bah.	Manuskrip kitab/risalah	Pengarang	Bidang	Status	Medium
A	... al-Bayan fi ma la budda min Ma'rifat Allah al-Mannan	Belum dipastikan	'Aqidah	Lengkap	Arab
B	Adab solat dan cara membaca surah al-Fatihah secara bertajwid	Belum dipastikan	Fiqh dan qira'at	Lengkap	Arab
C	Sharh al-Muqaddimah al-Jazariyyah fi al-Tajwid	Belum dipastikan	Qira'at	Fragmen	Arab
D	Kitab tasawwuf	Lebai Salih	Tasawwuf	Lengkap	Melayu
E	Sharh al-Tilimsani 'ala al-'Aqidah al-Sanusiyah	Muhammad ibn 'Umar al-Tilimsani	'Aqidah	Lengkap	Arab
F	Al-Tuhfah al-Mursalah ila Ruh al-Nabi	Muhammad ibn Fadlillah	Tasawwuf	Lengkap	Arab
G	Bayan al-Muwahhid wa al-Mulhid fi Dhikr Allah	Shamsuddin al-Sumatra'i	'Aqidah	Lengkap	Arab
H	Hukum-hakam solat, sujud sahwi, masbuk dan sebagainya	Belum dipastikan	Fiqh	Fragmen	Melayu
I	Al-Fiqh al-Akbar	Muhammad ibn Idris al-Shafi'i	'Aqidah	Lengkap	Arab
J	Kitab 'aqidah tentang sifat-sifat Tuhan, Rasulullah SAW	Belum dipastikan	'Aqidah	Lengkap	Arab
K	Kitab al-Mufid	Belum dipastikan	'Aqidah	Lengkap	Arab
L	Al-'Aqwal al-Jaliyyah bi Sharh al-Wasilah	Belum dipastikan	Tasawwuf	Lengkap	Arab

Sebahagian halaman manuskrip ini masih utuh tulisannya sementara sebahagian yang lain telah rosak akibat air dan asid dakwat.



Rajah 1: Sebahagian halaman MSS 2257 yang terkesan teruk namun sesetengahnya masih boleh dibaca pada kadar tertentu menyebabkan pengkaji berjaya mengeluarkan maklumat berharga mengenai identiti naskhah.

Manuskrip kitab merupakan antara genre terbanyak dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (Oman Fathurahman (2003, hlm. 110) pernah menggunakan istilah “melimpahnya teks-teks agama” bagi menunjukkan kuantiti manuskrip bergenre kitab yang besar di alam Melayu amnya, bukan sahaja di Malaysia.). Ia dikumpul sendiri oleh institusi Melayu melalui perolehan secara berkala bermula penghujung abad ke 20 dan awal abad ke 21. (Wan Ali Wan Mamat, 2017, hlm. 31) Manuskrip genre ini, selalunya, merupakan tulisan perseorangan yang tidak begitu kemas hasil pembuatannya berbanding koleksi ekspatriat yang mengguna khidmat penyalin profesional dengan bahan-bahan dakwat dan alat tulis yang berkualiti. Ini membezakan antara ciri-ciri manuskrip yang dibuat di skriptorium rasmi dengan yang dibuat hasil kemahiran amatur masyarakat. Tetapi seperti yang ditegaskan sebelum ini, ia masih mempunyai nilai sejarah dan kesusasteraan yang tidak boleh diperkecilkan. Lebih-lebih lagi ia dibeli dengan harga yang tidak kurang tingginya dan dalam jumlah yang banyak, justeru jika tidak diuruskan dengan baik akan mengakibatkan defisit nilai yang serius.


Salah satu sifat dominan bagi manuskrip genre agama ialah kata pinjaman Arab, bahkan penukaran kod Melayu-Arab atau penggunaan bahasa Arab yang lebih ketara. Keadaan ini menuntut penguasaan bahasa Arab yang lebih baik bagi individu yang terlibat dengan kerja pendokumentasian manuskrip. MSS 2257 mengandungi 12 judul manuskrip yang pelbagai seperti yang dapat dilihat dalam jadual 1, selain halaman kosong dan kertas terpakai yang boleh disenaraikan seperti berikut:

Halaman manuskrip tidak bertulis	Halaman manuskrip terpakai
ff. 10v., 107r., 109v.-112r., 115v., 116r.	Kulit depan, kulit belakang, ff. 1v.-3r., 5, 77v.-79r., 109v.-113A, 161

Masih ada halaman mengandungi catatan penting bukan kitab, iaitu: ff. 1r. yang bertulisan Melayu-Arab, 9v.-11r. Melayu, 34v.-35r. Arab, 35v.-38r. Melayu, 107v.-109r. Melayu-Arab, 115r.-116r. Melayu-Arab. Setiap kategori yang dinyatakan ini akan diterangkan satu persatu oleh pengkaji sambil membandingkannya dengan deskripsi yang dibuat dalam *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia* (2000) demi memperlihatkan kekurangan pada sistem pengkatalogan yang diguna pakai sejak sekian lama.

Akan tetapi sebelum membincangkan secara serius mengenai teks, wajar dinyatakan dahulu beberapa maklumat manuskrip yang berjaya dikutip oleh pengkaji untuk dibandingkan dengan maklumat dalam katalog. Rujukan kepada katalog tidak memberi banyak fakta tentang siapakah penulis, penyalin, pemilik bahkan judul manuskrip, tetapi pembacaan sekilas yang dibuat oleh pengkaji membekalkan maklumat lebih banyak dan bermakna. Katalog tidak memberi judul yang jelas untuk diketahui bidang perbincangan manuskrip melainkan sebuah kitab tasawwuf (ditanda dengan huruf B) dan sebuah yang lain yang dikenal pasti sebagai *al-Tuhfah al-Mursalah*, juga dalam bidang tasawwuf (ditanda dengan huruf D). Kedua-dua karya ini juga dinyatakan penyalin dan penulisnya, iaitu Lebai Salleh (*sic.*) sebagai penyalin kitab yang pertama, manakala Muhammad ibn Fadlillah sebagai penulis kitab yang kedua. (Lihat *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*, 2000, hlm. 10-11)

Al-Tuhfah al-Mursalah termasuk antara beberapa karya terkenal di alam Melayu, lantas tidak hairanlah ia mudah dikenali (Kemasyhuran *al-Tuhfah al-Mursalah* pernah mengundang minat putera sultan Kedah untuk mempelajarinya hingga kitab syarahnya diterjemah salah seorang ulama Melayu, penasihat sultan Kedah, bernama Muhammad Tayyib bin Mas'ud al-Banjari. Karya terjemahan tersebut selesai pada 4 Jamadilakhir 1282/25 September 1865 dan diberi judul *Fath al-Hadi fi Tarjamat Sharh Ibn al-Nabils al-Naqshabandi*. (Wan Mohd Shaghir, 2015, hlm. 302). Tetapi tentang kitab tasawwuf yang ditandai huruf D, wajar dipersoalkan kenyataan katalog yang menulis “Disalin oleh Lebai Salleh” ekoran catatan pada manuskrip yang berbunyi “Bermula menyurat kitab ini Lebai Salih”. Masalah terjadi kerana orang yang mendokumentasi hanya membaca kenyataan ini secara sekerat tanpa melengkapkan ayat tersebut, justeru mereka mentafsir perkataan “menyurat” dengan “menyalin”.



Rajah 2: Kenyataan tentang pengarang kitab dalam ff. 34r.

Jika dilihat keseluruhan ayat seperti yang ditunjukkan dalam rajah 2, pasti dapat difahami bahawa orang yang menulis petikan itulah sebenarnya penyalin yang *anonymous*, sementara Lebai Salih sama ada penulis asli atau setidak-tidaknya individu pertama yang menyalin karya yang disalin pula oleh penyalin *anonymous*. Pengkaji berkata demikian kerana selepas kenyataan yang dinukilkan itu, terdapat catatan tambahan “rahmatullah atas mereka itu sekalian”, yakni doa kebaikan kepada Lebai Salih yang menunjukkan Lebai Salih telah wafat sewaktu kenyataan itu ditulis. Apa yang menguatkan lagi hujah bahawa Lebai Salih ialah pengarang asal karya tasawwuf ini ialah perkataan “bermula” yang disebut sebelum perkataan “menyurat” bermaksud, Lebai Salih merupakan orang mula-mula mengarangnya.

Walau bagaimanapun tidak kira sama ada pendapat pertama atau kedua yang lebih tepat, ternyata maklumat yang diberikan oleh katalog bahawa Lebai Salih menyalin manuskrip kitab tersebut adalah satu kekeliruan. Maklumat katalog yang pramatang seperti ini boleh mengundang kesilapan pengkaji yang tidak berhati-hati serta mengabaikan kaedah semak-silang, sedangkan isu ini sangat mudah sebenarnya untuk difahami, hanya dengan membuat pembacaan yang menyeluruh, bukan secara sekerat-sekerat seperti dalam katalog.


Mengenai penyalin *anonymous* tersebut, agak sukar bagi pengkaji meneka siapakah sebenarnya beliau? Adakah beliau hanya seorang individu, atau sekumpulan penyalin yang masing-masing menghasilkan sebuah kitab jika diambil kira banyaknya manuskrip kitab yang terkandung dalam MSS 2257? Segi luaran khat yang digunakan mungkin menampakkan bahawa penyalin adalah ramai kerana perbezaan pada aspek saiz dan jenis tulisan, namun hakikat sebenar tidak semestinya begitu. Tulisan tangan sangat subjektif, malah cukup subjektif untuk memperlihatkan perbezaan lahiriah berdasarkan keadaan dan waktu ia ditulis walaupun oleh penulis yang sama. Sehubungan itu pengakuan penulis pada kolofon sangat-sangat diperlukan. Tidak boleh diharap kajian *isomorphism* khat dan ortografi semata-mata untuk membuat keputusan melainkan sekiranya tiada sumber maklumat lain yang nyata dapat dimanfaatkan.

Tetapi manuskrip Melayu juga tidak semestinya disalin sendiri oleh pelajar. Upah menyalin manuskrip agak lumayan menyebabkan sebahagian pelajar sanggup menyalin untuk pelajar lain yang lebih berkemampuan, meskipun mereka tidak lebih faham atau pandai berbanding mereka (Fenomena ini menjelaskan kepada kita bagaimana kesalahan, sama ada

dalam bentuk *tahrif* (perubahan bentuk huruf) atau *tashif* (perubahan diakritik huruf), dalam naskhah salinan kerap berulang atau menjadi lebih teruk berbanding naskhah asal. Lantaran itu juga, kita mengetahui bahawa kerja penyalinan manuskrip sebenarnya tidak berlaku di skriptorium rasmi sahaja seperti yang dibayangkan Ding Choo Ming (1997, hlm. 220-222), bahkan turut terjadi di dayah, pondok dan surau yang sederhana sifatnya. Para penyalin amatir tidak mempunyai pembantu yang menyediakan bagi mereka perkakas yang elok dan dakwat berwarna-warni hingga boleh menghias manuskrip dengan pelbagai iluminasi indah, malah mereka menggunakan bahan apa adanya seperti jelaga pelita dan batang resam sahaja untuk menyelesaikan sebuah manuskrip pengajian). Jadi dalam kes MSS 2257, agak banyak persoalan yang tidak mudah untuk dijawab. Mujur saja didapati beberapa petanda yang terabai oleh katalog, namun sangat bernilai untuk membantu kajian membina teori tentang penyalin kitab. Berdasarkan bacaan imbas kepada manuskrip, pengkaji mendapati sekurang-kurangnya tiga tempat dalam manuskrip yang menyebut nama “Nanyan” selaku penyalin, pelajar dan pewakaf manuskrip.

- ومن جملة طلبه العلم الصلحاء إن شاء الله الرجل العاقل لبي ناپن بن أحمد الأشي كان الله له في كل حال ورقاه إلى رتب الكمال قد تلقن الذكر من هذا الفقير وأجزت له وألبسته الخرقه الفقريه dalam catatan sanad tarekat [ff. 34v.]...
- هذا ما وقف تغكو ناپن لوجه الله الكريم لا يباع ولا يوهب حتى ترثه الأرض والله خير الوارثين أمين يا رب العالمين-*al-Fiqh al-Akbar* [ff. 115v.] pada permulaan kuras yang mengandungi kitab
- وكتبه وصاحبه لبي ناپن ممقارو بن فوملي بن لبي سلامة لم بوئت بن فوچارى بن فوناپن بن فومالم بن شيخ ديوغ غفر الله لهم *al-Fiqh al-Akbar* karangan Imam al-Shafi’i RA. [ff. 130v.] pada akhir manuskrip

Berdasarkan maklumat-maklumat berbahasa Arab di atas, dapat diandaikan bahawa MSS 2257 adalah hasil tulisan individu yang dikenali sebagai Nanyan Memparo yang tercatat namanya berkali-kali. Beliau juga diduga sebagai individu yang menulis catatan doa kepada Lebai Salih, mempunyai tahap penguasaan bahasa Arab yang baik dan luas ilmu pengetahuan. Cukup jelas beliau merupakan seorang ulama Aceh kerana digelar “*al-Ashi*”. Tetapi masih ada beberapa persoalan yang belum terjawab mengenai hubungan beliau dengan sebuah tempat di Aceh Besar disebut Lam Bareh. Seperti yang dapat dilihat dalam rajah di bawah, terdapat tulisan dengan pensel yang mengakui manuskrip ini adalah hak milik Teuku Lam Bareh.



Rajah 3: Kenyataan pemilikan Tengku Lam Bareh bahagian atas ff. 3v

Adakah Lebai Nanyan yang juga dikenali sebagai Tengku Nanyan berasal dari Lam Bareh? Atau Tengku Lam Bareh adalah pemilik manuskrip selepas Tengku Nanyan? Jika beliau adalah pemilik manuskrip selepas Tengku Nanyan, bagaimana ia dimiliki sedangkan Tengku Nanyan sudah mewakafkan manuskrip ini kepada kepentingan awam? Terdapat beberapa andaian yang boleh dibuat berdasarkan tulisan yang menggunakan pensel dan ejaan **ميك** (dengan ya'), namun perkara ini mustahil dibincangkan sekarang kerana menuntut kajian lanjut yang belum dapat dilaksanakan. Justeru, semua persoalan tinggal sebagai pentas terbuka untuk perbincangan lanjut dalam penyelidikan akan datang.

Teks Manuskrip

Berbalik kepada perbincangan teks dan jenis-jenis penulisan yang terkandung dalam MSS 2257, terdapat 4 jenis halaman iaitu; (1) halaman tidak bertulis, (2) halaman terpakai, (3) halaman bercatatan bukan kitab, dan (4) halaman bercatatan kitab.

(1) dan (2) iaitu halaman manuskrip tidak bertulis dan halaman manuskrip terpakai. Halaman manuskrip tidak bertulis bermaksud halaman yang kosong tanpa sebarang catatan. Hal ini cukup jelas dan ia hampir tidak memerlukan penerangan panjang. Tetapi apa yang perlu dinyatakan kadang-kadang, halaman yang tidak bertulis itu adalah disebabkan pemilik manuskrip tidak sempat mencatat apa-apa pada halaman. Dalam situasi yang lain, ia juga berlaku kerana pemilik manuskrip ingin menjaga dan mengekalkan kebersihan kuras yang difikir sangat penting. Situasi kedua jarang berlaku, tetapi memungkinkan persoalan baharu muncul; adakah kuras yang dikekalkan kebersihannya itu hendak dijadikan naskhah manuskrip yang lain secara berasingan, tetapi telah tersisip di antara kuras-kuras manuskrip lain secara tidak sengaja sewaktu dibuat perolehan dan pemuliharaan?

Dalam konteks MSS 2257, persoalan sebegini tidak timbul oleh sebab tidak berlaku keadaan kuras yang ingin dijaga/dikekalkan kebersihannya. Semua halaman kosong adalah disebabkan pemilik manuskrip tidak sempat menulis apa-apa pada halaman tersebut. Hal ini kerana MSS 2257 tidak dibuat atas arahan pembesar seperti mana-mana manuskrip yang dibuat di skriptorium. Ia juga tidak dibuat untuk menarik minat pembeli atau sebagai koleksi seni yang berketerampilan. MSS 2257 ternyata dibuat untuk tujuan pengajian, maka satu-satunya kitab yang ditulis penuh pada satu kuras, iaitu *al-Fiqh al-Akbar*, juga tidak bersih halaman pertama kuras itu [ff. 115v].



Rajah 4: Kuras MSS 2257

Rajah 4: Kuras MSS 2257 yang melengkapinya sebuah judul, *al-Fiqh al-Akbar* namun tidak bersih halaman pertama kurasnya. Adapun kuras-kuras yang lain sama ada mengandungi banyak kertas-kertas terpakai, atau ia tidak melengkapinya sebuah judul. Semakan kuras penting dalam penelitian manuskrip jenis *miscellany* kerana dibimbangi terselit manuskrip-manuskrip lain sewaktu membuat perolehan dan pemuliharaan.

Secara umumnya, perolehan dan pemuliharaan MSS 2257 ini dibuat dengan baik, walaupun tidak dinafikan masih berlaku halaman terpakai yang disisip sebagai ff. 5. Perhatikan rajah di bawah, boleh dilihat kata penarik (*catchword*) pada ff. 4v “فصار” merujuk kepada perkataan pertama ff. 6r yang berbunyi: **فصار هو من عبد الحروف الخ** yang membuktikan ff. 5 sebagai kertas sisipan yang tidak berkenaan.



Rajah 5: ff. 4v., 5 dan 6r. MSS 2257

Yang dimaksudkan halaman terpakai ialah halaman atau kertas manuskrip terdahulu yang diguna semula untuk membuat manuskrip baharu. Seperti yang kita maklum, harga kertas pada zaman dahulu agak tinggi oleh sebab keadah pembuatannya yang tidak sesenang hari ini. Ia diimport dan memerlukan kerja-kerja pemotongan manual. Justeru, tidak hairanlah kertas-kertas yang telah digunakan akan diguna semula, sama ada sebagai kertas yang tidak boleh ditulis kembali (kerana sudah ditulis) atau sebagai kertas yang akan ditulis halaman manuskrip baharu. Terdapat dua bentuk penggunaan manuskrip yang tidak boleh ditulis kembali, iaitu:

1. Sebagai kulit manuskrip setelah ditampal dengan bahan lain, seperti kain contohnya, atau
2. sebagai penyambung halaman untuk membuat kuras.





Rajah 6: Halaman terpakai yang digunakan untuk membuat kulit manuskrip MSS 2257.

Keterangan rajah: Atas: Gambaran luar yang telah ditampal dengan kain buruk untuk menjadi kulit manuskrip. Sehubungan itu, pada celah-celah carikan kain masih boleh dilihat kesan tulisan manuskrip yang ditampal padanya. Bawah: Gambaran dalam yang menunjukkan manuskrip terdahulu ialah manuskrip bidang tatabahasa Arab, iaitu *Alfiyyat Ibn Malik* dan matan *al-Madkhal*. Manuskrip *Alfiyyat Ibn Malik* yang mengandungi bait 162-168 mungkin tidak lagi diperlukan, lantas telah dikoyak dari kurasnya yang lama untuk dijadikan kulit depan MSS 2257, sementara manuskrip matan *al-Madkhal* yang tidak disudahkan catatannya, dijadikan kulit belakang.

Bagi bentuk penggunaan yang kedua di atas, ada dua kemungkinan. Pertama, sekiranya penyambung halaman untuk membuat kuras masih belum diconteng sepenuhnya, dengan kata lain masih boleh ditulis pada ruangan kosong yang ada, maka ia besar kemungkinan akan dikekalkan (tidak dipotong). Tetapi bagi halaman yang sudah digunakan sepenuhnya, selalunya pembuat manuskrip akan memotong buang sebahagian besar halaman tersebut (hanya meninggalkan sedikit penyambung kuras) bagi mengelakkan halaman itu mengganggu pembacaan manuskrip baharu. Beberapa rajah di bawah menunjukkan halaman yang sudah digunakan sepenuhnya dipotong dengan ditinggalkan sedikit sebagai penyambung kuras.



Rajah 7: Sesetengah halaman termasuk halaman terpakai dalam MSS 2257.

Dapat dilihat dalam Rajah 7 anak panah menunjukkan kertas terpakai yang telah dipotong dan ditinggalkan sedikit sebagai penyambung kuras. Gambar ketiga bawah merupakan halaman-halaman terpakai yang telah dipotong sebagai penyambung kuras, tetapi telah tercerai dari kurasnya menyebabkan tidak diketahui halaman mana dalam MSS 2257 yang menjadi pasangannya.

Merupakan satu persoalan penting untuk dijawab, bagaimana pembuat manuskrip membezakan antara kertas terpakai dan tidak terpakai? Soalan teknikal seperti ini seharusnya mempunyai jawapan yang teknikal juga kerana penggunaan kaedah intuitif tidaklah begitu bermakna untuk membezakan antara kedua-duanya. Sering terjadi, kertas terpakai yang tidak dipotong atas sebab-sebab tertentu jika dianggap sebahagian daripada manuskrip akan mengganggu kajian terhadap isi kandungannya. Begitu juga jika disalah anggap halaman manuskrip sebagai kertas terpakai yang tidak termasuk daripada halaman manuskrip tersebut, berpotensi menyebabkan salah interpretasi yang serius. Sehubungan itu, perlu ada bukti yang konkrit untuk menyokong hujah sebelum menetapkan sesuatu halaman manuskrip itu terpakai atau asli.

Berdasarkan pengalaman pengkaji, terdapat beberapa kaedah seorang penyalin atau penulis manuskrip membezakan antara halaman terpakai dengan halaman manuskrip baharu. Pengkaji telah menyebut salah satu daripada kaedah itu di atas, iaitu dengan memotong buang halaman terpakai yang tidak berkaitan, khususnya bila ia tidak mempunyai ruangan kosong lagi yang boleh dimanfaatkan. Kaedah yang kedua ialah dengan cara menghapuskan teks tidak berkaitan dengan tanda lorek, dan yang ketiga paling ketara bagi MSS 2257 ialah cara menggunakan kertas terpakai secara terbalik. Agak banyak contoh-contoh dari MSS 2257 yang menunjukkan penulis manuskrip menggunakan teknik penerbalikan halaman untuk membezakan catatan dari manuskrip lama dengan catatan baharu seperti pada ff. 1v.-3r. 5, 78v. dan 161. Tetapi perlu diingat, penting untuk kita membezakan antara teknik penerbalikan halaman dengan catatan marginalia yang terbalik kerana ia mungkin menyebabkan salah faham yang tidak dimaksudkan.





Rajah 8: Antara halaman MSS 2257 memperlihatkan penggunaan kaedah penerbalikan halaman bagi membezakan antara catatan lama dengan catatan baharu.

Keterangan rajah: Dapat dilihat pada rajah pertama (atas kiri), halaman terpakai yang mengandungi catatan lama boleh jadi sebuah manuskrip kitab bersaiz risalah yang lengkap. Ia dibaca bermula dari arah anak panah ff. 3r. dengan teks doksologi: **بسم الله الرحمن الرحيم الحمد لله والله أعلم بالصواب تم الكتاب [بعون]** الذي أكرمنا بالإيمان واليقين **الله تعالى هـ**. Pada rajah kedua (atas kanan), dapat dilihat penulis manuskrip masih membaca karya

tersebut, justeru telah membuat marginalia sebagai respon kepada isi perbincangan manuskrip yang terbalik itu.

Perlu diingat, pengklasifikasian manuskrip kepada kertas terpakai dengan halaman asli hanya panduan kepada pengkaji manuskrip dalam membuat pertimbangan semasa menganalisis isi kandungan manuskrip. Ia bukan syarat universal yang membolehkan sesuatu halaman disisihkan atau dianggap sewenang-wenangnya sebagai kertas terpakai dan tidak mewakili pandangan penulis/pemilik manuskrip tersebut kerana selain kertas masih boleh dimanfaatkan ruangnya, kemungkinan halaman yang dikekalkan (tidak dipotong buang) dihormati isi kandungannya justeru si pembuat manuskrip tidak tergamak membuang halaman tersebut. Sehubungan itu di sana masih ada indikator-indikator lain yang perlu dimasukkan dalam pertimbangan wajar. Penelitian teknikal tidak boleh berdiri sendiri tanpa analisis kualitatif, begitu juga analisis kualitatif tidak boleh bebas daripada penelitian teknikal.

Dalam konteks MSS 2257 sebagai contoh, tidak semua halaman terpakai boleh dianggap tidak bererti lebih-lebih lagi ia termasuk manuskrip bidang aqidah dan tasawwuf. Jika manuskrip bidang tatabahasa Arab boleh dikoyak dan dilekat kain buruk untuk menjadi kulit manuskrip seperti yang dilakukan ke atas manuskrip *Alfiyyat Ibn Malik* dan matan *al-Madkhal* di atas, namun tidak semudah itu bagi manuskrip bidang yang dianggap sakral. Masih ada beberapa perkara taboo khususnya jika berkaitan ayat-ayat suci al-Qur'an, lafaz mulia الله dan nama Nabi Muhammad SAW. Bermula pada titik ini, setiap kaedah penghapusan teks (*deletion*) yang disebutkan tadi sampai pada sempadan yang tidak boleh dilangkaui. Tidak hairanlah ada kaedah keempat iaitu berhenti pada kesalahan tanpa membuat penghapusan, kemudian menulis perkataan yang betul selepas perkataan yang salah. (Lihat Amer Hudhaifah Hamzah, 2021, hlm. 156) Ding Choo Ming (1997, hlm. 220-221) hanya berkata, kaedah ini bertujuan memastikan kebersihan manuskrip, supaya tidak dimarahi akibat mencemarkan keindahannya, tetapi beliau kurang sedar masih ada sebab-sebab lain antaranya sentimen agama yang tidak kurang signifikan.



Rajah 9: Antara halaman yang diduga terpakai namun tidak diberi sebarang tanda kerana mengandungi kalimat suci الله. Berbeza dengan nama Nabi Muhammad SAW dalam rajah 8, ia

diterbalikkan, dan tidak dilorek atau dipotong buang kerana menghormati kedudukan Baginda tanpa menyamakannya dengan penghormatan kepada Allah SWT, Tuhan sekalian alam

Sehubungan itu, kita mendapati keempat-empat kaedah di atas mungkin digunakan secara bersepadu oleh seorang penulis manuskrip. Pengkaji manuskrip sangat-sangat perlu menghayati hakikat ini agar ia membantu semasa proses interaksi dengan teks. Setiap manuskrip adalah subjek kepada perasaan, fikiran dan tingkah laku penulisnya semasa menyusun manuskrip tersebut. Oleh sebab itu, sebarang kesalahan perspektif boleh menyebabkan kesilapan dalam mentafsir yang tidak sepatutnya berlaku kepada penelitian ilmiah.

(3) Halaman bercatatan bukan kitab

Seperti yang dapat difahami dari perbincangan di atas, sebuah manuskrip pengajian yang dibuat sendiri oleh pelajar mungkin dibuat dari kertas-kertas baharu bercampur aduk dengan kertas terpakai. Kertas terpakai itu mungkin kosong dan mungkin juga telah mengandungi catatan lepas. Disebabkan kertas yang mempunyai empat halaman (depan-belakang, kiri-kanan) belum digunakan sepenuhnya, maka mereka mengulang guna untuk dimasukkan dalam salah satu kurus manuskrip baharu, khususnya jika catatan yang dibuat tersebut tidak berkesinambungan dengan halaman-halaman lain manuskrip lama. Jika berkesinambungan, seperti salah satu helai dari sebuah kitab yang masih berguna, maka ia berkemungkinan besar tidak akan diceraikan dari manuskrip lama meskipun masih mengandungi beberapa halaman yang kosong.

Tidak kira kertas terpakai ataupun baharu, disebabkan halaman kosong hanya terdiri daripada beberapa muka, dan ruangan yang belum diconteng tidak seberapa banyak, justeru sukar untuk digunakan bagi penulisan kitab. Jadi pilihan yang ada ialah maklumat-maklumat penting pengajian yang dikenali sebagai fawa'id (فوائد). Dalam MSS 2257, catatan jenis ini merupakan catatan kedua terbanyak selepas kitab yang lengkap atau fragmen kitab. Antara maklumat yang ditulis boleh disenaraikan seperti berikut:

No.	Maklumat catatan	Medium	ff.
1.	Sebait syair yang bermaksud: Dipukulnya anak (oleh sebab meninggalkan sembahyang) selepas berusia 10 tahun, selepas 7 tahun hanya cukup diarahkan saja	Arab	Kulit depan
2.	Kronologi sirah Rasulullah SAW dan catatan tentang mukjizat, keramat dan istidraj.	Arab, Melayu	1r.
3.	Istighfar dan doa memohon ampun kepada Allah SWT merujuk perbincangan taubat di akhir kitab	Arab	2r.
4.	Beberapa petikan hadis tentang kelebihan ulama, bahaya ulama mendampingi sultan, adab tidur. Sesetengahnya dipetik dari kitab <i>Ihya' Ulum al-Din</i>	Arab	5r.-5v.
5.	Catatan mengenai adab mengerat kuku, huraian lafaz الله, ulama-ulama qira'at dan pelajar mereka serta kepentingan berguru dalam mempelajari ilmu tajwid.	Melayu	9v.-11r.
6.	Catatan sanad Lebai Nanyan bin Ahmad al-Ashi	Arab	34v.-35r.
7.	Catatan beberapa jawapan mengenai soalan tasawwuf seperti hadis الإنسان سري وأنا سره, wujud, nisbah nama Allah dengan nama Nabi Muhammad,	Melayu	35v.-38r.

	nisbah tubuh Nabi Adam dengan nyawa Nabi Muhammad dsbg.		
8.	Catatan mengenai sifat 20, aqidah, tasawwuf dll. Antaranya huraian lafaz محمد.	Arab, Melayu	77v.-79r.
9.	Catatan zakat, mazhab fiqh, tasawwuf, doa akikah, catatan basmalah.	Arab, Melayu	107v.-109r.
10.	Catatan beberapa nukilan dalam bidang fiqh, usul fiqh serta kenyataan wakaf.	Arab, Melayu	115r.

Jadi sesetengah fawa'id merupakan catatan lama yang dikekalkan, atau catatan baharu pada kertas lama (terpakai) atau mungkin juga catatan baharu pada kertas baharu (sama ada berbentuk marginalia atau catatan pada lebih kertas manuskrip kitab, sebelum atau selepas). Fawa'id bukan catatan utama, bahkan catatan utama ialah kitab-kitab yang dihimpun, dalam konteks manuskrip jenis *miscellany*. Fawa'id merupakan catatan sampingan yang dibuat sebagai nota peringatan, idea dan catatan perasaan yang bertujuan memenuhi ruangan kosong yang ada.

(4) Halaman bercatatan kitab


Maklumat mengenai halaman-halaman bercatatan kitab boleh dirujuk pada jadual 2 di bawah dan jadual 1 pada permulaan artikel.

Jadual 2: Halaman manuskrip bercatatan kitab dalam MSS 2257

ff.	Judul manuskrip	Status
1v.-3r.	... al-Bayan fi ma la budda min Ma'rifat Allah al-Mannan	Lengkap
3v.-7v.	Adab solat dan cara membaca surah al-Fatihah secara bertajwid	Lengkap
7v.-9r.	Sharh al-Muqaddimah al-Jazariyyah fi al-Tajwid	Fragmen
11v.-34r.	Kitab tasawwuf	Lengkap
38v.-77r.	Sharh al-Tilimsani 'ala al-'Aqidah al-Sanusiyyah	Lengkap
79v.-104r.	Al-Tuhfah al-Mursalat ila Ruh al-Nabi	Lengkap
104v.-106v.	Bayan al-Muwahhid wa al-Mulhid fi Dhikr Allah	Lengkap
114r.-114v.	Hukum-hakam solat, sujud sahwi, masbuk dan sebagainya	Fragmen
116v.-130v.	Al-Fiqh al-Akbar	Lengkap
131r.-132r.	Kitab 'aqidah tentang sifat-sifat Tuhan, Rasulullah SAW	Lengkap
132v.-148r.	Kitab al-Mufid	Lengkap
148v.-160v.	Al-'Aqwal al-Jaliyyah bi Sharh al-Wasilah	Lengkap

Dari 12 judul manuskrip yang dapat dikesan, katalog hanya memberi kita maklumat empat daripadanya tanpa judul yang jelas. Bahagian ke 5 manuskrip yang ditandai dengan huruf E hanya menulis “Pelbagai kitab bahasa Arab” seolah-olah manuskrip tersebut tidak berkaitan dengan alam Melayu. Jika dibandingkan dengan katalog Chamber-Loir dalam artikel *Malay (and some other) manuscripts in the Muzium Negara (Kuala Lumpur) (1980)*, agak besar julat kualiti dan kuantiti maklumat dengan apa yang boleh didapati daripada *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (2000)*, meskipun kedua-duanya dikategorikan sebagai *descriptive catalogue* oleh Wan Ali Wan Mamat (2017, hlm. 36-37).

Agak dramatik juga bahagian E yang ditulis “pelbagai kitab bahasa Arab” yang bermula ff. 104v. itu sebenarnya permulaan kepada kitab *Bayan al-Muwahhid wa al-Mulhid fi Dhikr Allah* yang lengkap, iaitu karya asli Shamsuddin al-Sumatra’i atau lebih dikenali dengan gelaran “Syeikh Shamsuddin Pasai”, seorang tokoh ulama Melayu terkenal dalam sejarah kegemilangan Aceh. Peranan yang dimainkan beliau dalam istana Aceh sebagai Syeikh al-Islam semasa era pemerintahan Iskandar Muda turut diriwayatkan dalam beberapa epik Melayu antaranya *Hikayat Aceh* (2001, hlm. 68, 83, 98). Pada permulaan manuskrip, tertera cukup jelas tulisan: **قال شمس الدين بن عبد الله**, iaitu nama penuh Shamsuddin al-Sumatra’i yang membuktikan karya ini adalah tulisan beliau. Namun disebabkan manuskrip ini berbahasa Arab, maka adakah ia dianggap terkeluar daripada skop manuskrip Melayu yang dikatakan “*cover a wide range of subject matter including various aspects of life and Malay civilisation*”? (*The Legacy of Malay Manuscripts*, 2012, hlm. 16) Sukar bagi kita meneka jawapan persoalan ini.



Rajah 10: Halaman pertama dan kedua kitab *Bayan al-Muwahhid wa al-Mulhid fi Dhikr Allah* yang tertera nama penulis “Shams al-Din ibn ‘Abd Allah”, ff. 104v., 105r.

Tidak dinafikan, 3 daripada 12 judul kitab yang telah berjaya dikesan ternyata bukan tulisan orang Melayu, iaitu *Sharh al-Tilimsani 'ala al-'Aqa'id al-Sanusiyah* (ff. 38v.-77r.), *al-Tuhfah al-Mursalat ila Ruh al-Nabi* (79v.-104r.) dan *al-Fiqh al-Akbar* (116v.-130v.), tetapi bukannya yang turut ditemui adalah 2 manuskrip lain merupakan hasil tulisan Lebai Salih dan Shamsuddin al-Sumatra'i dari kalangan bangsa Melayu? Tambahan lagi, 7 judul yang lain masih belum dikenal pasti siapa penulisnya. Berdasarkan temuan kajian kini dan terdahulu yang membuktikan ramai ulama Melayu menulis menggunakan bahasa Arab, bermula Shamsuddin al-Sumatra'i, Abdus Samad al-Falimbani, Nawawi Banten, Ahmad al-Fatani, Muhammad Mukhtar bin Utarid Bogor, Abdul Qadir Sena dan lain-lain, dapatkah kita dengan semudah itu memutuskan sesebuah manuskrip Arab dalam Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia merupakan tulisan bangsa Arab yang tidak berkenaan dengan alam Melayu? Persoalan ini akan ditinggalkan terbuka untuk dijawab sendiri oleh sidang pembaca yang dihormati.

Kesimpulan

Manuskrip genre kitab merupakan koleksi terbanyak yang dikumpul di Asia Tenggara. Sebahagian daripada koleksi ini adalah manuskrip berstatus Arab-Melayu. Meskipun tidak kurang banyak juga manuskrip-manuskrip ulama Arab/Parsi yang dibawa masuk ke alam Melayu sejak awal Islamisasi kemudian disalin terus-menerus oleh pelajar Melayu, namun tidak semudah itu kita hendak memutuskan manuskrip berbahasa Arab ialah manuskrip Arab yang tidak berkenaan dengan sejarah dan budaya alam Melayu. Sehubungan itu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah mengambil tindakan yang tepat dengan tidak sewenang-wenangnya mengeneipkan manuskrip berbahasa Arab dalam aktiviti perolehan. Tetapi dalam proses dokumentasi, didapati beberapa kekurangan perlu diperbetulkan agar, akhirnya, tidak mengakibatkan defisit nilai manuskrip yang akan menyebabkan kerugian kepada koleksi PNM.

Pengkaji mengambil contoh MSS 2257 bagi menerangkan kekurangan *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia* (2000) dalam menyampaikan maklumat-maklumat penting kepada penyelidik luar (user). Pertama, ia tidak mengkatalogkan keseluruhan 12 judul manuskrip kitab yang terdapat dalam MSS 2257, malah hanya menyebut 4 daripadanya kemudian menyimpulkan yang lain-lain di bawah tajuk umum "Pelbagai kitab bahasa Arab". Kedua, ia menggunakan laras bahasa yang umum bagi menerangkan judul/isi kandungan manuskrip Arab seperti "Kitab bahasa Arab". Isu-isu ini akhirnya menyebabkan penyelidik tidak dapat memanfaatkan katalog dengan sebaiknya seperti yang diharapkan daripada penerbitan itu. Pengkaji merumuskan permasalahan ini kepada isu penguasaan bahasa Arab oleh pihak yang terlibat dalam proses dokumentasi, di samping masalah definisi manuskrip Melayu yang masih belum dirungkaikan.

Berdasarkan penyelidikan yang dibuat, pengkaji mendapati MSS 2257 sebenarnya kitab *miscellany* mengandungi 12 manuskrip yang rata-ratanya lengkap dan sempurna. Sesetengahnya dapat dikenal pasti penulis dengan mudah dan sesetengah lagi masih memerlukan penelitian lanjut. Yang penting, hanya 3 daripada judul-judul tersebut merupakan karya ulama asing. 2 daripadanya sudah pasti merupakan karya ulama Melayu sementara 7 yang lain memerlukan kajian lanjutan. Manuskrip ini termasuk manuskrip yang ditulis di perkarangan pusat pengajian tradisional seperti dayah dan pondok, sehubungan itu ia sangat

sederhana dan tidak beriluminasi. Walau bagaimanapun nilainya tidak boleh diperkecilkan kerana ia menyimpan banyak perkara mengenai sejarah, budaya dan pemikiran Melayu, khususnya yang hidup dalam lingkungan pengajian Islam di tanah air, bukan saja melalui kitab, bahkan catatan-catatan sampingan dan marginalia.

Tradisi penulisan manuskrip kitab perlu terus dikaji di masa-masa akan datang supaya setanding dengan tahap yang dicapai bagi manuskrip kesusasteraan Melayu. Hasil-hasil kajian dan penyelidikan lalu juga perlu sentiasa disemak dan dinilai sejajar perkembangan penyelidikan manuskrip Melayu yang kian maju supaya tidak terhenti pada takuk-takuk tertentu yang akan menyebabkan bidang ini tertinggal jauh di belakang bidang-bidang yang lain. *Last but not least*, pengkaji ingin mengalungkan ungkapan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) khususnya, dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) umumnya, kerana telah mengabadikan masa dan tenaga demi menyimpan dan mempermudah laluan kajian. Tanpa mereka semua, pastilah mustahil untuk kajian-kajian manuskrip terus dijalankan. Semoga jasa dan kebaikan kalian dibalas oleh Allah SWT dengan sebaik-baik balasan.

Rujukan

- Amer Hudhaifah Hamzah. 2016. *Kitab al-Risalah al-Fataniyyah fi al-Nahw: Tahqiq dan Analisis Kandungan*. Tesis Master Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amer Hudhaifah Hamzah. 2017. Manuskrip Melayu: Isu Kontemporari dan Lontaran Idea. *International Journal of West Asian Studies* 9(1): 25-38.
- Amer Hudhaifah Hamzah. 2019. Kurikulum Bahasa Arab di Asia Tenggara berdasarkan Tinjauan terhadap Manuskrip Utama Nahw Alam Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Filologi Melayu* 26: 74-96.
- Amer Hudhaifah Hamzah. 2021. Kesenambungan Persuratan Melayu Bidang Bahasa Arab melalui MSS 2875, MSS 2889, MSS 3790 Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Filologi Melayu* 28: 141-171.
- Dasar Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia*. 14 Januari 2014.
- Ding Choo Ming. 1997. Skriptoria Melayu: Tinjauan Umum. dlm. *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ding Choo Ming. 1999. Masalah Pengumpulan, Pendokumentasian dan Pengajian Manuskrip Melayu. *Jurnal Filologi Melayu* 7: 21-41.
- Henri Chambert-Loir. 1980. Malay (and some other) manuscripts in the Muzium Negara (Kuala Lumpur). *Federation Museums Journal* 25: 1-41.
- Hikayat Aceh*. 2001. Teuku Iskandar (pngr.). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Ibrahim Ismail. 1983. Pertemuan mengenai manuskrip Melayu 10 Oktober 1983: Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <http://eprints.um.edu.my/15813/1/0001.pdf> [11 May 2022]
- Mohd. Anuar Mamat. 2017. Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15(1): 61-83.

- Muhammad Mustaqim Mohd. Zarif. 2016. Malay Manuscript Cataloguing in Malaysia: Issues and Challenges. Kertas kerja Seminar Perpustakaan Islam Serantau 2016. Anjuran Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia. Bandar Baru Nilai, 28-29 September.
- Oman Fathurahman. 2003. Filologi dan Penelitian Teks-teks Keagamaan. *Al-Turas* 9(2): 107-122.
- Russell Jones. 1999. Malay Manuscripts: Gatherings and Soiled Pages. *Archipel* 57: 97-108.
- The Legacy of Malay Manuscripts*. 2012. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Uli Kozok. 2004. A 14th Century Malay Manuscript from Kerinci. *Archipel* 67: 37-55.
- Wan Ali Wan Mamat. 2017. *Malay Manuscripts in Malaysia: A Review of Their Catalogues*. Dlm. *Dinamika Pernaskahan Nusantara*. Mu'jizah (pnyt.). Jakarta: Prenadamedia dengan kerjasama Masyarakat Pernaskahan Nusantara (MANASSA), Yayasan Naskah Nusantara (YANASSA) dan Perpustakaan Nasional RI.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2015. *Ensiklopedia Naskhah Klasik Nusantara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Willem van der Molen. 2017. Ideas on the Cataloguing of Indonesian Manuscripts. Dlm. *Dinamika Pernaskahan Nusantara*. Mu'jizah (pnyt.). Jakarta: Prenadamedia dengan kerjasama Masyarakat Pernaskahan Nusantara (MANASSA), Yayasan Naskah Nusantara (YANASSA) dan Perpustakaan Nasional RI.